

Siri
Kemahiran
Proses Sains



Afiq di Kampung Nenek

Normah binti Abdul Aziz

**Kemahiran:
Meramal &
Inferens**

Afiq di Kampung Nenek

Normah binti Abdul Aziz

Diterbitkan oleh:
Masjid Bandar Seri Putera,
Lot 39343, Jalan Seri Putra 1/1,
Bandar Seri Putra, Bangi,
43000 Kajang, Selangor

Hak Cipta: Normah binti Abdul Aziz
Email: normahaziz59@gmail.com

Afiq di Kampung Nenek

Teks © Normah binti Abdul Aziz, 2025

Grafik dan ilustrasi © Abdullah Al-Marawi 2025

ISBN: 978-629-94250-1-4

Edisi Asal: Pertama kali diterbitkan 2025

Catan kulit: Abdullah Al-Marawi

Dicetak oleh:
Perusahaan Tukang Buku KM,
8, Jalan Puteri 2A/6,
Bandar Puteri, Bangi,
43000 Kajang

Sinopsis

Buku *Afiq di Kampung Nenek* mengisahkan percutian Afiq bersama keluarga ke rumah nenek. Dalam coretan ini, anak-anak belajar memahami tanda-tanda alam dan situasi seharian melalui **kemahiran meramal** dan **membuat inferens**.

Contohnya, apabila langit mula gelap, ayah membuat ramalan bahawa hujan akan turun. Anak-anak kemudian menghubungkannya dengan pengalaman lalu — setiap kali langit gelap, hujan biasanya menyusul. Di sinilah mereka belajar bahawa **ramalan bukan tilikan ghaib**, tetapi berdasarkan pemerhatian bukti nyata.

Di rumah nenek pula, mereka dikejutkan dengan dapur yang bersepah dan bulu ayam bertaburan. Anak-anak bersama ibu bapa berbincang dan membuat **inferens**: pintu dapur tidak berkunci, ayam jantan masuk dan menyepahkan dapur. Situasi ini mengajar mereka bahawa membuat inferens memerlukan **petunjuk visual, pengalaman lalu, dan logik** untuk memahami apa yang berlaku.

Secara keseluruhan, buku ini bukan sahaja menyeronokkan untuk kanak-kanak, tetapi juga mengasah daya fikir kritis mereka — bagaimana **ramalan** boleh dibuat dengan memerhati tanda awal, dan bagaimana **inferens** dibina berdasarkan bukti yang ada.

Kandungan

Tajuk

1. Afiq dan keluarga sedang keluar dari taman.	1
2. Ayah jadi tukang ramal	3
3. Langit Gelap	5
4. Guruh berbunyi	7
5. Naik Kereta	9
6. Hujan mula turun	11
7. Sampai di Rumah Nenek	13
8. Afiq dan Kia terkejut	15
9. Dapur bersepah	17
Nota Ringkas Aktiviti PdP	21
Lembaran Aktiviti	23

1. Afiq dan keluarga sedang keluar dari taman.

Ayah: Mari kita jalan lebih cepat.

Nampaknya tak lama lagi hujan ni

Ayah, mama, Afiq dan Kia merupakan satu keluarga dari Kuala Lumpur manakala Nadim dan Bella merupakan sepupu Afiq yang tinggal di kampung



2. Ayah jadi tukang ramal

Afiq: Eh, ayah, ustaz kata berdosa jadi tukang ramal

Mama: Ha ha ha, ayah Afiq bukan tukang ramal. Ayah cuma agak akan hujan sebab langit dah mula gelap



3. Langit gelap

Ayah: Ya, Afiq perasan tak, petang semalam, waktu kita sampai rumah nenek, langit mula gelap. Tak lama selepas tu, hujan pun turun.

Nadim: Betul tu pakcik. Sebelum hujan, Ayah Nadim pun selalu cakap langit mula gelap, hujan nak turun




4. Guruh berbunyi

Ayah: Haa, dah guruh. Cepat masuk kereta



Imbas untuk
mendengar guruh



5. Naik Kereta

Ayah: Semua sudah masuk?

Afiq dan Kia : Sudah ayah

Ayah: Alhamdulillah



6. Hujan mula turun.

Kia : Abang, dah hujan lah

Afiq : Pandai ayah

Mama : Ya. Ayah dah perhati banyak kali



7. Sampai di Rumah Nenek

Mama: Alhamdulillah. Dah sampai rumah nenek

Nadim dan Bella: Terima kasih pakcik, makcik, bawa kami jalan

Ayah dan mama: Sama - sama



8. Afiq dan Kia terkejut

Afiq: Nenek, kami dah balik

Afiq: Eh eh. Pintu ni tak berkunci

Afiq dan Kia: Ayah, mama, tengok ni
Apa dah jadi?



9. Dapur bersepah

Mama dan ayah: Ma Syaa Allah. Habis bersepah. Apa dah jadi ni

Afiq: ini macam bulu ayam jantan nenek

Mama: Oh nenek keluar, terlupa kunci pintu agaknya. Si jantan pun bebaslah buat kerja di dapur



Mama: Mari kita kemas dapur nenek



Nota Ringkas Aktiviti PdP: Membuat Ramalan & Inferens

1. Membuat Ramalan

Situasi dalam buku:

Ayah berkata: “Nampaknya tak lama lagi hujan ni” apabila melihat langit gelap.

Soalan Aktiviti:

- Apa yang ayah nampak di langit?
- Apakah yang mungkin akan berlaku selepas ini?
- Pernahkah kamu melihat langit gelap di rumah? Apa yang berlaku selepas itu?

Objektif:

Murid belajar bahawa ramalan boleh dibuat berdasarkan tanda-tanda yang dapat dilihat (contoh: langit gelap → hujan turun).

2. Membuat Inferens

Situasi dalam buku:

Afiq jumpa bulu ayam dalam dapur nenek yang bersepah.

Soalan Aktiviti:

- Mengapa dapur nenek bersepah?
- Dari mana datangnya bulu ayam itu?
- Apa yang kamu fikir berlaku sebelum Afiq masuk dapur nenek?

Objektif:

Murid memahami bahawa inferens dibuat dengan menghubungkan **petunjuk (bulu ayam, pintu terbuka)** dengan **pengetahuan sedia ada** (ayam boleh masuk jika pintu tak berkunci).

3. Aktiviti Tambahan

- **Latihan Ramalan:** Tunjukkan gambar awan gelap, pelangi, atau daun berguguran. Tanya murid: “Apakah yang mungkin berlaku selepas ini?”
- **Latihan Inferens:** Tunjukkan gambar kasut berlumpur di depan rumah. Tanya murid: “Apa yang kamu fikir telah berlaku?”

Lembaran Aktiviti: Membuat Ramalan & Inferens

Berdasarkan buku kanak-kanak 'Afiq di Kampung', murid akan berlatih membuat ramalan dan inferens melalui soalan-soalan berikut. Sila tulis jawapan di ruang yang disediakan.

Bahagian A: Membuat Ramalan

Situasi: Ayah berkata, 'Nampaknya tak lama lagi hujan ni' apabila melihat langit gelap.

Soalan:

1. Apa yang ayah nampak di langit?

Jawapan: _____

2. Apakah yang mungkin akan berlaku selepas ini?

Jawapan: _____

3. Pernahkah kamu melihat langit gelap di rumah? Apa yang berlaku selepas itu?

Jawapan: _____

Bahagian B: Membuat Inferens

Situasi: Afiq jumpa bulu ayam dalam dapur nenek yang bersepah.

Soalan:

1. Mengapa dapur nenek bersepah?

Jawapan: _____

2. Dari mana datangnya bulu ayam itu?

Jawapan: _____

3. Apa yang kamu fikir berlaku sebelum Afiq masuk dapur nenek?

Jawapan: _____

Bahagian C: Aktiviti Tambahan

1. Latihan Ramalan: Tunjukkan gambar awan gelap, pelangi, atau daun berguguran. Apakah yang mungkin berlaku selepas ini?

Jawapan: _____

2. Latihan Inferens: Tunjukkan gambar kasut berlumpur di depan rumah. Apa yang kamu fikir telah berlaku?

Jawapan: _____



ISBN 978-629-94250-1-4



Masjid Bandar Seri Putra

(paperback)